

# FAKTA SEKILAS PANDANG TAHUN 2017





13,790,216 ahli\* dan  
**7,110,517**  
 merupakan ahli aktif yang  
 masih mencarum



**MAJIKAN\*\***  
**494,945**  
 mencarum kepada KWSP



**CARUMAN TAHUNAN**  
**RM65,523.86**  
**juta**  
 diterima daripada pekerja dan majikan



**JUMLAH PENGELUARAN  
 PADA 2017**  
**RM49,396.43**  
**juta**



**JUMLAH ASET PELABURAN**  
**8.26%**  
 2017 : RM791,475.72 juta  
 2016 : RM731,111.78 juta



**JUMLAH PENDAPATAN KASAR**  
**14.14%**  
 2017 : RM53,139.68 juta  
 2016 : RM46,557.22 juta



**KADAR DIVIDEN  
 SIMPANAN SHARIAH**  
**6.40%**



**KADAR DIVIDEN  
 SIMPANAN KONVENSIONAL**  
**6.90%**



**JUMLAH KESELURUHAN  
 BAYARAN DIVIDEN**  
**RM48.13**  
**bilion**

**BAYARAN DIVIDEN**  
**RM3.98**  
**bilion**

**BAYARAN DIVIDEN**  
**RM44.15**  
**bilion**

UNTUK MAKLUMAT ANDA

**STATISTIK PENGELUARAN**

Bilangan Terima  
**2,450,696**

Bilangan Lulus  
**2,324,706**

**JUMLAH PENGELUARAN**  
**RM49.40 bilion**

Sumber:

- Executive Information System (EIS) bagi bilangan Ahli dan Majikan
- Business Intelligence bagi Jumlah Pengeluaran (Bilangan Terima dan Bilangan Lulus)

**KLASIFIKASI SEMULA STATISTIK AHLI DAN MAJIKAN**

\* Mengemaskini statistik ahli dengan mengeluarkan bilangan ahli yang mempunyai baki kosong di dalam akaun simpanan KWSP mereka selaras dengan definisi 'ahli' di dalam peruntukan semasa Akta KWSP.

\*\* Mengemaskini statistik majikan dengan mengeluarkan majikan berstatus self-employed (bekerja sendiri) yang sebelum ini didaftarkan sebagai 'majikan' di dalam polisi terdahulu.

## PERUTUSAN Pengerusi

### TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

Pengerusi

*Tahun 2017 merupakan tahun yang bersejarah buat KWSP kerana ia adalah tahun pertama ia mula menguruskan dua skim persaraan, iaitu Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah. Ia juga merupakan tahun pertama pengisytiharan kewangan dan dividen bagi Simpanan Syariah.*



### PEMBAYARAN DIVIDEN CEMERLANG PADA TAHUN 2017

Tahun 2017 merupakan tahun yang baik bagi KWSP kerana menutup tahun ini dengan jumlah pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM53.14 bilion, tertinggi dalam sejarahnya, dengan pulangan kasar atas pelaburan (ROI) sebanyak 7.30 peratus.

Terdapat peningkatan yang ketara terhadap pulangan dan prestasi aset kami pada tahun 2017 berbanding beberapa tahun kebelakangan ini. Sebagai pelabur jangka panjang, kami telah mempelajari betapa pentingnya untuk terus berdisiplin dalam falsafah pelaburan kami. Kami memfokuskan usaha untuk mengekalkan amalan tadbir urus tertinggi untuk membolehkan kami menangani pelbagai risiko dengan efektif dan memenuhi objektif strategik kami. Kami juga mempunyai diversifikasi portfolio pelaburan yang sejajar dengan Peruntukan Aset Strategik kami, yang membolehkan kami mengemudi dengan berkesan keadaan pasaran yang sering berubah untuk mencapai kejayaan.

Memandangkan keadaan pasaran yang bertambah baik pada tahun 2017, kami berjaya menjana pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM53.14 bilion pada 31 Disember 2017 dan mencatatkan penurunan nilai bersih yang lebih rendah sebanyak RM3.38 bilion, berbanding RM8.17 bilion dalam tahun 2016, di mana ia membolehkan peratusan yang lebih tinggi daripada pendapatan kasar diagihkan sebagai dividen.

Saya juga sukacita melaporkan anjakan besar yang telah kami laksanakan dalam prestasi operasi, di mana kami telah meningkatkan kemampuan dan keupayaan operasi kami dengan ketara. Proses pengeluaran yang pernah mengambil masa tiga bulan kini mengambil masa tiga hari, dan perkhidmatan kaunter kami telah memenangi pelbagai anugerah. Perkhidmatan secara dalam talian kami juga terus merekod pertumbuhan cemerlang. Kami telah mencapai hampir 100 peratus tahap penggunaan e-Caruman untuk majikan dalam

## PERUTUSAN PENERUSI



Sambutan Ulangtahun KWSP ke-66 Tahun di Ibu Pejabat KWSP pada 30 Oktober 2017.

mengemukakan butiran caruman KWSP pekerja mereka serta membuat bayaran secara dalam talian.

### SATU TAHUN YANG BERSEJARAH

Tahun 2017 merupakan tahun yang bersejarah buat KWSP kerana ia adalah tahun pertama ia mula menguruskan dua skim persaraan, iaitu Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah. Ia juga merupakan tahun pertama pengisytiharan kewangan dan dividen bagi Simpanan Syariah.

Memandangkan ini adalah pengisytiharan dividen yang pertama, kadar 6.40 peratus adalah cemerlang, seterusnya membuktikan kekuatan dan keupayaan aset syariah KWSP. Ia seharusnya menjadi berita baik bagi ahli kami yang memilih untuk beralih kepada Simpanan Syariah. Manakala, kadar dividen 6.90 peratus untuk Simpanan Konvensional adalah kadar tertinggi sejak tahun 1997 dan sangat dialu-alukan ahli kerana ia membantu meningkatkan simpanan persaraan mereka. Jumlah pembayaran kedua-dua dividen sebanyak RM48.13 bilion adalah pencapaian yang memecah rekod kerana ia merupakan pembayaran dividen tertinggi dalam sejarah KWSP.

Perlu kita ambil perhatian bahawa perbezaan kecil antara kadar dividen Simpanan Konvensional iaitu 6.90 peratus dan Simpanan Syariah iaitu 6.40 peratus, menunjukkan bahawa kedua-dua skim mencatat prestasi yang baik. Akan berlaku perbezaan kadar dividen antara kedua-dua skim dalam tempoh jangka pendek, tetapi kami menjangkakan bahawa dalam jangka masa panjang, pulangan kedua-duanya akan setanding kerana kedua-dua skim berkongsi objektif dan strategi pelaburan yang sama.

Selain memberikan pilihan patuh syariah kepada ahli, Simpanan Syariah telah memainkan peranan sokongan malah pemangkin dalam pembangunan industri kewangan Islam. Malaysia telah menyaksikan kemajuan yang dinamik dalam menarik masuk dana Islam global, bersama-sama dengan pelaburan yang mapan dan bertanggungjawab. Ini adalah selaras dengan agenda Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) untuk menjadikan Malaysia sebagai pasaran antarabangsa kewangan Islam dan patuh syariah. Saya amat gembira kerana KWSP dapat memainkan peranan positif dalam mencetus pembangunan industri kewangan Islam menerusi Simpanan Syariah.

## 2017

Aset Pelaburan  
**RM791.48**  
Bilion

Kadar Pulangan  
Pelaburan (ROI)  
**7.30**  
Peratus

Pendapatan Pelaburan  
Kasar  
**2017**  
**RM53.14**  
Bilion

Jumlah Pengagihan  
Dividen  
**48.13**  
Bilion

Dividen  
Simpanan Konvensional  
**6.90**  
Peratus

Dividen  
Simpanan Syariah  
**6.40**  
Peratus

## PERUTUSAN Pengerusi

### TEKNOLOGI – TONGGAK KECEMERLANGAN OPERASI

KWSP telah mencapai kejayaan besar dalam operasi dan penyampaian perkhidmatannya sepanjang tahun lepas. Kami terus membina asas yang kukuh untuk mencapai kecemerlangan operasi bagi memacu pembangunan dan menyampaikan nilai yang bertambah buat anggota, ahli dan majikan.

Kami juga menumpukan usaha tenaga dan sumber yang khusus ke arah melaksanakan teknologi dan inisiatif baru untuk menambahbaik sistem dan proses kami. Kesannya, kami dapat lihat pertumbuhan produktiviti selain pengurangan ketara dalam masa pusingan dan kebergantungan kepada transaksi manual.

Selain memperkenalkan penambahbaikan kepada sistem dan proses sedia ada, kami mula memajukan agenda digital kami, yang melibatkan mereka bentuk semula proses teras operasi yang menghubungkan aktiviti, fungsi dan maklumat, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kami dan ketepatan masa.

Kami terus melabur dalam membuat saluran dalam talian kami lebih mudah dan boleh diakses oleh semua ahli dan majikan kami. Contohnya, ahli yang ingin memohon pengeluaran boleh mengemukakan permohonan secara dalam talian dan menyemak status melalui e-Pengeluaran. Kemudahan dalam talian ini boleh didapati melalui saluran *flagship* i-Akaun kami di mana ahli juga boleh menyemak butiran lain berkaitan simpanan KWSP mereka.

### MASA HADAPAN PEKERJAAN DAN KESELAMATAN SOSIAL

Dengan perubahan demografi dan kemajuan teknologi yang pesat sedang dialami sekarang yang mencabar cara kita berkomunikasi, bekerja dan bekerjasama, pemahaman tentang kerja dan persaraan dijangka akan berubah seiringan. Kita pun sudah melihat perubahan yang tidak ketara di Malaysia di mana bekerja sendiri, secara *freelance* dan perniagaan dalam talian, yang terliput dalam sektor pekerjaan tidak formal, semakin nyata berkembang sejak beberapa tahun lalu dan telah menyumbang kepada pertumbuhan industri e-perniagaan. Walaupun sektor ini telah menyumbang secara besaran kepada pertumbuhan ekonomi digital, tetapi para pekerja dalam sektor ini mungkin tidak menyumbang kepada persaraan mereka sendiri kerana tidak dilindungi oleh sebarang sistem pencen rasmi atau skim persaraan.

Dengan memikirkan khusus kepada isu tersebut, kami telah menganjurkan Persidangan Tahunan Keselamatan Sosial Antarabangsa dengan tema “Masa Hadapan Pekerjaan: Bersedia untuk Esok Hari Ini”, anjuran bersama BNY Mellon, berjaya mencetuskan minat dan kesedaran yang tinggi mengenai isu-isu utama yang berkaitan dengan masa hadapan pekerjaan.

Lebih 300 peserta dari rantau Asia Pasifik terlibat dalam persidangan tersebut dan mendengar pemimpin pemikiran serta futurist terkemuka seperti Magnus Lindkvist dan Mike Walsh, berucap tentang kesediaan di peringkat global untuk menghadapi revolusi perindustrian keempat. Antara isu yang dibincang dan dibahaskan adalah kemajuan dalam bidang automasi dan *artificial intelligence*, yang secara drastik mengganggu gugat cara hidup kita dan mungkin menjadi penyebab kepada pekerjaan yang kita tahu hari ini menjadi *obsolete*.

Saya berasa sukacita melihat bahawa persidangan ini menjadi platform yang dinantikan untuk pertukaran idea yang membina dan mencari penyelesaian bagi membolehkan KWSP, bersama-sama dengan agensi lain yang berkaitan, memastikan bahawa ekosistem perlindungan sosial Malaysia tetap relevan dan sealign dengan trend dan perkembangan global terkini untuk kesejahteraan ahli kami dan penduduk Malaysia keseluruhannya.

Untuk terus meningkatkan pemahaman tentang kerumitan perlindungan sosial, KWSP menandatangani perjanjian perkongsian dengan Pusat Latihan Antarabangsa Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ITC-ILO) pada bulan Ogos 2017. Ini akan membuka jalan bagi pembangunan bersama dan pelaksanaan masa depan aktiviti latihan antara KWSP dan ITC-ILO untuk rantau Asia Tenggara. KWSP sudah mempunyai infrastruktur pembelajaran bertaraf dunia di EPF Learning Campus (ELC) di Bangi.

KWSP merancang untuk memanfaatkan lebih banyak kerjasama sedemikian pada masa akan datang, bagi menangani keperluan masyarakat penuaan di Malaysia, serta cabaran keselamatan sosial yang berhadapan dengan ekonomi gig yang semakin membangun di samping meletakkan Malaysia dalam peta sebagai pusat kecemerlangan serantau untuk perlindungan sosial.

## PERUTUSAN PENERUSI

### LIBAT URUS DENGAN SEKTOR TIDAK FORMAL MENGENAI PERSARAAN DAN CELIK KEWANGAN

Daripada 22 juta penduduk Malaysia yang bekerja, kira-kira 15 juta adalah ahli KWSP, di mana 6.8 juta adalah penyumbang KWSP aktif. Seramai 1.7 juta lagi dilindungi oleh sistem pencen awam. Baki 13.7 juta, yang terdiri daripada golongan yang bekerja sendiri dan *freelance*, tidak dilindungi oleh mana-mana program perlindungan sosial formal.

Terdapat banyak cabaran lain yang dihadapi oleh rakyat Malaysia dalam persiapan untuk persaraan. Ketidacukupan pendapatan dalam tempoh pasca-persaraan kini menjadi isu di peringkat kebangsaan dan akan terus merisaukan penduduk, terutamanya kepada golongan B40 (tahap pendapatan 40 peratus ke bawah) dan kumpulan M40 (tahap pendapatan pertengahan 40 peratus). Bagi menggalakkan sektor pekerjaan tidak formal, yang terdiri daripada terutamanya mereka dalam B40 dan M40, menyimpan untuk persaraan, kami meningkatkan usaha untuk mempromosikan Skim Persaraan 1Malaysia (SP1M) supaya mereka yang layak dapat memanfaatkan sumbangan Kerajaan yang meningkat dari mulanya 10 peratus kepada 15 peratus<sup>1</sup>.

Kami amat berbesar hati bahawa Uber Malaysia berkongsi keprihatinan kami dan bersetuju untuk bersama-sama mempromosikan SP1M. Pada bulan Oktober 2017, KWSP dan Uber Malaysia menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk membantu pemandu Uber merancang persaraan mereka menggunakan SP1M. Saya berharap

<sup>1</sup> Tertakluk kepada jumlah maksimum RM250 seorang setahun dan sah dalam tempoh lima tahun akan datang dari 2018 hingga 2022.

bahawa dengan termeterainya MoU ini akan menggalakkan lebih banyak penglibatan dari sektor tidak formal untuk mencontohi ini serta menjadikan SP1M sebahagian daripada perancangan persaraan mereka.

### MENAWARKAN LEBIH BANYAK PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Sebagai dana persaraan terulung Malaysia, KWSP berusaha memastikan simpanan persaraan ahlinya adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan persaraan asas mereka. Kami juga mengambil kira pelbagai faktor sosio-ekonomi yang telah mengubah dan mencorak ekpektasi ahli. Maka, pada Disember 2017, kami mengumumkan produk dan perkhidmatan baru untuk manfaat ahli yang berkuatkuasa 1 Januari 2018.

Salah satu produk baru adalah pilihan untuk melantik Amanah Raya Berhad (ARB) sebagai pentadbir/pemegang amanah kepada simpanan persaraan ahli. Pengumuman ini telah mendapat maklum balas yang positif daripada ahli yang mahu memilih melantik ARB sebagai penama/pentadbir untuk membantu memudahkan pembahagian simpanan KWSP secara adil dan saksama kepada waris mereka sekiranya berlaku kematian.

Antara penambahbaikan yang diperkenalkan adalah mengenai pengeluaran fleksibel yang dipermudahkan sesuai dengan keperluan pasca-persaraan. Perkhidmatan baru ini membolehkan ahli yang telah bersara untuk membuat pengeluaran berdasarkan apa-apa jumlah dan pada bila-bila masa mengikut perbelanjaan hidup dan keperluan masing-masing. Dengan kemudahan ini, ahli boleh menguruskan simpanan persaraan mereka dengan lebih baik, di samping terus mendapat manfaat pengkompaunan daripada dividen tahunan KWSP sehingga umur 100 tahun.



KWSP dan UBER Malaysia menandatangani Memorandum Persefahaman pada 19 Oktober 2017.

## PERUTUSAN Pengerusi

### **KOD AMANAH**

Pada Januari 2017, KWSP menandatangani Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi. Kod yang berpandukan kehendak industri ini, bertujuan menggalakkan kepimpinan yang berkesan, terdiri daripada enam prinsip – Mendedahkan Polisi tentang Pengawasan; Memantau Syarikat Pelaburan; Penglibatan dengan Syarikat Pelaburan; Mengurus Konflik Kepentingan; Memasukkan Pertimbangan Kemampanan; dan Penerbitan Polisi Undian.

Saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa KWSP telah mengambil langkah sewajarnya bagi melaksanakan kesemua enam prinsip di bawah Kod tersebut sejak pelancarannya pada tahun 2014. Sebagai pihak yang menandatangani Kod tersebut, memperkukuhkan lagi komitmen kami sebagai pelabur yang bertanggungjawab dalam memastikan tahap akauntabiliti dan ketelusan yang tertinggi, sambil menggalakkan tadbir urus korporat dan amalan terbaik di kalangan syarikat pelaburan kami.

Kepercayaan dan keyakinan terhadap keupayaan kami untuk menjaga dan menguruskan simpanan persaraan ahli menjadi tonggak kejayaan KWSP, dan menjadi motivasi kepada kami untuk terus memperbaiki diri. Sebagai penjaga kepada simpanan persaraan hampir separuh daripada populasi yang bekerja di negara ini, kami berusaha untuk memahami dan meyakinkan ahli bahawa simpanan mereka adalah selamat. Integriti adalah teras nilai murni KWSP, maka setiap anggota perlu memainkan peranan dalam memastikan simpanan persaraan ahli diproses dengan cepat, diuruskan secara berhemah dan dilaburkan sesuai dengan mandat kami. Sesungguhnya kami juga pencarum, yang mempunyai kepentingan dalam memastikan kesejahteraan dan kejayaan KWSP.

### **PERSEKITARAN KERJA YANG MENARIK**

KWSP meraikan ulang tahun ke-66nya pada Oktober 2017. Kami telah menyaksikan banyak perubahan kepada KWSP sepanjang 66 tahun yang lalu dan sebahagian besar perubahan tersebut didorong oleh anggota

kami. Keutamaan telah diberikan untuk membangun dan meningkatkan budaya korporat dan persekitaran yang menggalakkan kerja berpasukan, penambahbaikan berterusan, mengutamakan pelanggan dan integriti. Sifat-sifat ini yang membentuk empat tonggak Nilai Korporat kami, adalah teguh, relevan, meyakinkan dan bersemangat. Saya amat bangga bahawa KWSP mempunyai anggota yang berbakat dan komited serta diketuai oleh barisan pemimpin dan pengurusan yang berkebolehan tinggi.

Setiap usaha telah ditumpukan terhadap membangunkan budaya berprestasi tinggi di kalangan 5,795 anggota, termasuk pendedahan kepada program pengetahuan proaktif dan pemeraksanaan. Untuk mengurangkan jurang di antara kemahiran sedia ada dan kemahiran era digital, kita telah menyediakan latihan untuk melatih anggota dengan kemahiran baru yang diperlukan. Bajet latihan juga telah ditingkatkan dan kursus-kursus peningkatan kemahiran teknikal yang penting bersama *soft skills* telah diperkenalkan selaras dengan wawasan dan aspirasi KWSP, ekspektasi masa depan ahli, pemegang kepentingan dan anggota kami.

### **MEMELIHARA KEKUATAN KAMI UNTUK MASA HADAPAN**

Selama ini KWSP telah tabah menghadapi keadaan ekonomi tidak menentu sepanjang sejarah 66 tahunnya. Syukur Alhamdulillah, kami sentiasa muncul lebih kuat dan lebih berdaya tahan, mempelajari dari pengalaman dan membuat penyesuaian berterusan.

Kami menjangkakan bahawa 2018 akan menjadi tahun yang bersejarah apabila Malaysia bersiap sedia menghadapi pilihanraya umum ke-14. Acara-acara politik akan mendapat perhatian utama, namun perkembangan ini cenderung mempunyai kesan jangka pendek ke atas pasaran. Sebagai dana persaraan, fokus kami adalah untuk jangka panjang, yang didorong oleh faktor mikroekonomi. Kami terus komited kepada strategi pelaburan jangka panjang dan hanya akan melabur dalam aset yang dapat menyediakan aliran pendapatan yang stabil dan konsisten.

Sesungguhnya, tidak ada jalan pintas bagi kami untuk mencapai kejayaan. Di tengah-tengah segala kejayaan kami adalah gabungan bakat, ketabahan, komitmen dan usaha gigih di samping terus berpegang teguh kepada mandat dan peranan kami sebagai penjaga simpanan persaraan ahli. Kami memastikan bahawa kesedaran tentang pentingnya amanah dan dorongan kepada tingkah laku yang membina amanah, seperti mengamalkan kepimpinan melalui teladan dan mematuhi komitmen, adalah sejajar di semua peringkat dalam KWSP.

Selaku Pengerusi, saya ingin menyatakan bahawa operasi dan pelaburan KWSP diurus tadbir dengan baik dan dikendalikan oleh golongan profesional yang bijak, tidak mementingkan diri sendiri serta berjaya menggabungkan kecekapan, integriti dan sahsiah kepada keseluruhan proses membuat keputusan.

Terima kasih diucapkan kepada semua ahli dan majikan atas kepercayaan mereka kepada KWSP dan atas sokongan berterusan terhadap inisiatif kami. Kami akan terus melibatkan serta berbincang bersama anda tentang keselamatan sosial dan perancangan persaraan, agar kita dapat bekerjasama dalam membangunkan rangka kerja perlindungan sosial yang kukuh untuk semua rakyat Malaysia.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan ikhlas kepada semua anggota KWSP, yang dahulu dan kini, atas segala dedikasi dan profesionalisme mereka selama ini. Saya juga amat berterima kasih kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pasukan pengurusannya, Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan atas bimbingan, kebijaksanaan dan sokongan mereka. Sesungguhnya, KWSP berbekalkan warisan yang cemerlang dan pengalaman perniagaan yang kukuh, saya yakin akan terus maju bagi mencapai masa hadapan yang lebih baik untuk ahli.

### **TAN SRI SAMSUDIN OSMAN**

Pengerusi

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

### DATUK SHAHRIL RIDZA RIDZUAN

Ketua Pegawai Eksekutif

*Saya amat gembira kerana kami dapat mengisytiharkan kadar dividen tertinggi sejak 1997 sebanyak 6.90 peratus untuk Simpanan Konvensional dengan agihan pembayaran sebanyak RM44.15 bilion, dan 6.40 peratus untuk Simpanan Syariah dengan agihan pembayaran sebanyak RM3.98 bilion. Kadar dividen KWSP sering menjadi penanda aras utama prestasi oleh ahli kami dan pencapaian cemerlang ini adalah kesan langsung strategi pelaburan kami yang kukuh.*

### TAHUN 2017 YANG CEMERLANG BAGI PELABURAN

Tahun lalu menandakan beberapa pencapaian yang pertama buat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Kami mengakhiri 2017 dengan pendapatan pelaburan kasar tertinggi berjumlah RM53.14 bilion dan kadar pulangan pelaburan (ROI) sebanyak 7.30 peratus. Buat pertama kali kami menguruskan dua skim persaraan – Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah – dengan dua kadar dividen yang berasingan, dan hasil kewangan pertama untuk Simpanan Syariah.

Saya amat gembira kerana kami dapat mengisytiharkan kadar dividen tertinggi sejak 1997 sebanyak 6.90 peratus untuk Simpanan Konvensional dengan agihan pembayaran sebanyak RM44.15 bilion, dan 6.40 peratus untuk Simpanan Syariah dengan agihan pembayaran sebanyak RM3.98 bilion. Kadar dividen KWSP sering menjadi penanda aras





PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

utama prestasi oleh ahli kami dan pencapaian cemerlang ini adalah kesan langsung strategi pelaburan kami yang kukuh berdasarkan proses tadbir urus yang mantap serta penilaian risiko yang ketat bagi sebarang keputusan pelaburan.

Memandangkan ini merupakan hasil pelaburan dan kadar dividen pertama untuk Simpanan Syariah, dividen 6.40 peratus yang diisytiharkan adalah sangat baik. Kejayaan ini adalah hasil strategi pendiversifikasian alokasi aset yang membolehkan pengukuhan prestasi keseluruhan kelas aset kami, berdasarkan pertumbuhan daripada tahun ke tahun yang sihat berbanding 2016. Keadaan ini juga menyumbang kepada penurunan nilai bersih yang lebih rendah sebanyak RM3.38 bilion, berbanding kepada RM8.17 bilion pada 2016.

Perbezaan pulangan antara Simpanan Syariah dan Simpanan Konvensional memang dalam jangkaan kami. Pulangan 2017 untuk Simpanan Konvensional (yang diperolehi daripada kedua-dua pelaburan patuh syariah dan bukan syariah) meningkat dengan pendapatan yang dijana daripada prestasi cemerlang saham perbankan global untuk 2017. Namun, pulangan daripada pelaburan ini tidak boleh diambil kira dalam dividen Simpanan Syariah, kerana ia tidak mematuhi prinsip syariah. Walau bagaimanapun, kami menjangkakan perbezaan akan menjurus dalam jangka panjang, kerana kedua-dua skim ini berkongsi objektif dan strategi pelaburan yang sama.

**Diversifikasi dan pelaburan asing**

Sebahagian besar prestasi kukuh kami pada tahun 2017 didorong oleh pelaburan KWSP dalam ekuiti global yang mendapat manfaat daripada keadaan pasaran yang lebih baik memandangkan indeks pasaran global meningkat berikutan dua kenaikan kadar oleh Rizab Persekutuan AS dan jangkaan positif terhadap reformasi cukai AS. Portfolio ekuiti, yang mewakili hampir separuh jumlah aset pelaburan KWSP, menjana RM31.47 bilion. Diversifikasi dalam aset global di pelbagai negara dan mata wang membolehkan KWSP meraih keuntungan besar daripada pelbagai pasaran dan kelas aset, yang membantu meningkatkan prestasi keseluruhan untuk tahun ini. Keuntungan global khususnya telah menunjukkan prestasi yang kukuh, terutamanya ekuiti pasaran Asia Utara dan pasaran maju dalam teknologi, kepenggunaan dan perkhidmatan kewangan.

Pelaburan domestik kami masih mewakili bahagian terbesar portfolio kami sebanyak 72 peratus. Walau bagaimanapun, aset global kami, yang hanya merangkumi 28 peratus daripada jumlah aset, menyumbang lebih daripada 40 peratus daripada pendapatan pelaburan kasar kami sebanyak RM53.14 bilion pada 2017. Kami mensasarkan untuk mengembangkan portfolio global kami kepada 32 peratus pada 2018, daripada 28 peratus pada 2017 sebagai sebahagian daripada usaha berterusan bagi menjayakan pendiversifikasian dan pengurusan risiko yang sesuai dengan portfolio kami.



KWSP menandatangani perjanjian dengan Pusat Latihan Pertumbuhan Buruh Antarabangsa (ITC-ILO) di EPF Learning Campus, Bangi pada 8 Ogos 2017.

**KECEMERLANGAN OPERASI MELALUI PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Tumpuan berterusan dalam meningkatkan saluran penyampaian talian kami amat memberangsangkan kerana produk utama kami, i-Akaun, mencapai pertumbuhan yang ketara. Pada akhir 2017, sejumlah 4.7 juta ahli telah mendaftar dengan i-Akaun, peningkatan mendadak sebanyak 40 peratus daripada 3.35 juta pada 2016. Kami juga telah melihat peningkatan ketara dalam bilangan muat turun aplikasi mudah alih i-Akaun berjumlah 919,500 dengan 6.03 juta akses telah direkodkan. Diperkenalkan pada tahun 2014, aplikasi mudah alih i-Akaun telah ditambah baik dengan memasukkan antara muka pengguna yang memaparkan pernyataan KWSP baru, *push notifications*, *secured inbox* dan Soalan Lazim Simpanan Syariah. Ini adalah tambahan kepada ciri-ciri asal, seperti menyemak kenyataan KWSP, penggunaan kalkulator persaraan bagi tujuan jangkaan jumlah simpanan, sekaligus meningkatkan kualiti pengalaman pengguna.

Hasil penambahbaikan ini, i-Akaun kini menjadi pintu masuk untuk kemudahan KWSP dalam talian yang lain iaitu e-Pengeluaran dan e-Caruman, yang menyaksikan kadar langganan 99 peratus yang mengagumkan daripada majikan. e-Caruman dibangunkan

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

untuk memproses jumlah data yang tinggi dan disepadukan dengan sistem FPX, yang membolehkan majikan membuat bayaran caruman dalam masa nyata. Lebih penting lagi, majikan, di mana 85 peratus darinya adalah perusahaan kecil dan sederhana, boleh mendapat manfaat segera menggunakan e-Caruman, kerana ia mudah dan membolehkan transaksi masa nyata yang sangat selamat dan cekap untuk memproses butiran caruman pekerja mereka. Peningkatan jumlah ahli yang baru didaftarkan setiap suku tahun juga membantu menggalakkan majikan untuk menggunakan e-Caruman.

### Meneruskan usaha memenuhi jangkaan ahli

Dalam usaha mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan kami, KWSP sentiasa mengkaji polisi dan skim untuk memastikan kami menyediakan produk dan perkhidmatan yang relevan dengan keperluan dan ekspektasi ahli. Ini menjadi pertimbangan utama kami agar terus memberi kelonggaran kepada ahli serta menyediakan lebih banyak pilihan, terutamanya bagi mereka yang menghampiri umur persaraan, empat produk baru dan perkhidmatan telah ditambahbaik dan diperkenalkan pada bulan Disember 2017:



Penambahbaikan kepada pengeluaran umur 55 tahun dan umur 60 tahun kini membolehkan ahli membuat pengeluaran sebahagian dalam apa-apa amaun pada bila-bila masa untuk memenuhi keperluan dan perbelanjaan mereka (terdahulu, ahli yang telah bersara hanya dibenarkan mengeluarkan jumlah minimum RM2,000 sekali setiap 30 hari). Ahli yang memilih untuk membuat pengeluaran bulanan kini boleh mengeluarkan jumlah simpanan serendah RM100 sebulan, berbanding dengan RM250 sebelum ini. Penambahbaikan ini adalah bagi menggalakkan ahli mengeluarkan wang simpanan KWSP secara berperingkat berbanding dalam satu jumlah besar, bagi melanjutkan simpanan ahli sepanjang persaraan serta terus mendapat dividen daripada baki simpanan mereka.

Kami juga memperkenalkan pilihan bagi ahli untuk melantik Amanah Raya Berhad (ARB) sebagai pentadbir/pemegang amanah simpanan KWSP mereka. Pilihan ARB ini adalah untuk memudahkan pengagihan simpanan yang lebih pantas dan saksama kepada waris mereka berikutan kematian ahli, dan sebagai tambahan kepada hak sedia ada ahli untuk melantik mana-mana individu sebagai penama.

### Pengklasifikasian semula data KWSP

Sepanjang 66 tahun kami beroperasi, KWSP mempunyai tugas yang mencabar untuk menguruskan jumlah data yang besar. Kami telah mengklasifikasikan data utama yang melibatkan semua data ahli dan majikan pada suku ketiga 2017, yang memang tepat pada masanya agar kami dapat memastikan integriti data kami. Di samping itu, langkah ini membolehkan kami menyusun semula data bagi mematuhi peruntukan terbaru dalam Akta KWSP 1991.

Objektif pengklasifikasian semula ini adalah untuk membezakan antara akaun ahli – mereka yang mempunyai tabungan dikira sebagai 'akaun aktif', sementara mereka yang mempunyai simpanan sifar telah diklasifikasikan sebagai 'tidak aktif'. Akaun tidak aktif terus dibuka sehingga umur 75 bagi memberi ahli peluang untuk mencarum semula selepas persaraan mereka dan menikmati dividen KWSP. Sementara itu, majikan seperti yang ditetapkan dalam Akta KWSP 1991 adalah dikelaskan sebagai 'majikan', dan mereka yang mewakili sektor tidak formal dikelaskan sebagai 'bekerja sendiri'.

Berdasarkan pengklasifikasian semula ini, jumlah ahli KWSP ialah 13.79 juta, iaitu 7.11 juta ahli aktif, manakala jumlah majikan berdaftar ialah 494,945 setakat 31 Disember 2017.

### PENGIKTIRAFAN DAN KERJASAMA STRATEGIK

Pada tahun 2017, KWSP memenangi Anugerah Kecemerlangan Institusi Pelabur Asia untuk Asia Tenggara buat kali kedua, dengan kategori tambahan sebagai Pelabur Institusi Terbaik dari segi pengurusan pelaburan. Ini merupakan satu pencapaian kerana anugerah ini mengiktiraf KWSP sebagai salah satu pengurus dana paling cekap di dunia. Di samping itu, Abu Dhabi Islamic Bank dan Thomson Reuters melalui Ethical Finance and Innovation Challenge and Awards (EFICA), mengiktiraf Simpanan Syariah sebagai komitmen lanjutan kami kepada Environment, Social and Governance (ESG) dan pelaburan berasaskan tanggungjawab sosial.

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Tahun 2017 juga menyaksikan KWSP menandatangani beberapa pakatan strategik dengan kedua-dua rakan kongsi antarabangsa dan tempatan, sejajar dengan peranan kami untuk membentuk dan mengukuhkan landskap keselamatan sosial negara.

### KWSP DAN ITC-ILO MENGENAI KESELAMATAN SOSIAL

Pada Ogos 2017, KWSP telah menandatangani perjanjian dengan Pusat Latihan Antarabangsa Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ITC-ILO) untuk bersama-sama membangun dan melaksanakan aktiviti latihan di Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara yang lain menerusi EPF Learning Campus. Perkongsian strategik ini akan membantu meletakkan Malaysia di peta dunia sebagai pusat kecemerlangan serantau bagi perlindungan sosial.

### KWSP-UBER MALAYSIA UNTUK SP1M

Satu memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai antara KWSP dan syarikat perkongsian pemandu Uber Malaysia pada bulan Oktober 2017. Objektif kerjasama ini adalah untuk mempromosi Skim Persaraan 1Malaysia (SP1M) kepada komuniti pemandu Uber dan menggalakkan mereka untuk merancang untuk persaraan. SP1M adalah sebahagian daripada skim simpanan persaraan sukarela KWSP, yang menerima sumbangan Kerajaan sebanyak 15 peratus tertakluk kepada maksimum RM250 seorang setahun dari 2018 hingga 2020, yang ahlinya boleh menikmati kadar dividen KWSP yang sama seperti ahli lain. Setakat 31 Disember 2017, terdapat 90,599 ahli SP1M dengan simpanan berjumlah RM525.31 juta.

Kesemua anugerah ini dan kerjasama strategik dengan pihak yang terkemuka ini merupakan bukti janji kami untuk mencapai kecemerlangan, berdasarkan tadbir urus yang kukuh dan keputusan pelaburan berhemat, yang mendorong kami untuk berusaha lebih keras dalam melampaui jangkaan dalaman kami serta ahli.

### KEPERLUAN PERANCANGAN PERSARAAN DAN CELIK KEWANGAN

Kami berharap agar dapat memperluaskan rangkaian kerjasama, terutamanya dengan sektor pekerjaan tidak formal, kerana terdapat keperluan asas untuk semua rakyat Malaysia memahami pentingnya perancangan persaraan dan celik kewangan. Kami melaksanakan pelbagai langkah pada tahun 2017 untuk menyampaikan mesej ini kepada sektor tidak formal dan masyarakat luar, terutamanya mereka yang berada dalam kategori B40 (tahap pendapatan 40 peratus ke bawah) dan kumpulan M40 (tahap pendapatan pertengahan 40 peratus).

Antara lain, kami menganjurkan program jelajah celik kewangan pada bulan Julai 2017 di pusat membeli-belah popular di Kota Kinabalu dan Kuching, dan sambutan di kedua-dua lokasi itu amat memberangsangkan. Lebih penting lagi, pengalaman ini memberi kami gambaran berharga mengenai isu dan kebimbangan ahli kami di Sabah dan Sarawak. Bersama kami sepanjang program ini adalah Agensi Pengurusan dan Kaunseling Hutang (AKPK) dan bagi menyampaikan mesej yang lebih jelas, manakala See Hua Media Group berperanan dalam memberi liputan yang lebih luas kepada kumpulan sasaran di kedua negeri tersebut.

Kami turut mengambil bahagian dalam beberapa acara Karnival Kewangan pada tahun 2017 yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Penyertaan KWSP dalam acara dan program jelajah memberi kami peluang untuk bertemu dengan ahli dan orang awam, sambil memberi nasihat mengenai perkara yang berkaitan dengan persaraan dan kecukupan simpanan. Sebagai ahli Rangkaian Pendidikan Kewangan, inisiatif yang diterajui oleh BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, KWSP terus komited untuk meningkatkan tahap celik kewangan negara di kalangan rakyat Malaysia.

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Oleh itu, saya berbangga dengan Khidmat Nasihat Persaraan (RAS), perkhidmatan percuma yang disediakan kepada ahli bagi mendapatkan kaunseling secara bersemuka dan nasihat mengenai persaraan, terus mendapat sambutan daripada ahli. Keberkesanan khidmat ini menyaksikan RAS diperluaskan kepada 10 cawangan di seluruh negara tahun lepas, sekaligus menambahkan jumlah keseluruhan kaunter RAS kepada 28 kaunter. Di samping itu, pegawai RAS juga memberi ceramah di seminar-seminar awam dan swasta mengenai persaraan dan isu-isu celik kewangan serta terlibat dalam wawancara dengan akhbar dan televisyen. Kesemua usaha kami telah membuahkan hasil dan pada tahun 2017 kami mencatatkan 50,684 konsultasi di kaunter-kaunter RAS kami, iaitu lonjakan sebanyak 298 peratus daripada 12,734 pada 2016.

### KE ARAH MASA DEPAN

Kami menutup tirai 2017 dengan caruman berjumlah RM768.51 bilion. Selepas setahun meraih pulangan pelaburan yang kukuh, kami harus bersedia menghadapi satu lagi tahun yang mencabar. Terdapat kemungkinan yang besar berlakunya ketidaktentuan ekonomi yang berterusan dan ketidakpastian politik di pasaran global, tetapi kita melihat ini sebagai peluang bagi mengekalkan prestasi kewangan dan meningkatkan pulangan pelaburan kita. Amanah menguruskan dana yang besar seperti KWSP amatlah mencabar dan kami perlu mengekalkan simpanan ahli sambil menjaga pulangan yang konsisten dan mapan untuk jangka masa panjang.

Kami akan terus mengguna pakai teknologi terkini untuk meningkatkan prestasi operasi dan kecekapan di samping berusaha memudahkan proses dan fungsi sokongan. Dengan prestasi dan produktiviti yang lebih baik, anggota kami dapat memberi tumpuan kepada idea baru dan inovasi untuk kesejahteraan kewangan dan masa depan ahli kami.



*KWSP memenangi kategori Top FPX Merchant bagi Anugerah Malaysian e-Payment Excellence 2017 pada 25 Mei 2017.*

Jutaan terima kasih dan penghargaan saya kepada semua anggota KWSP, yang terdahulu dan sekarang, atas komitmen, dedikasi dan profesionalisme mereka yang mantap sepanjang tahun yang penuh dengan pelbagai peristiwa. Adalah suatu penghormatan buat saya dapat berganding bahu bersama pasukan yang hebat; tanpa mereka semua kecemerlangan ini tidak dapat dicapai. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi, Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan, atas kebijaksanaan dan bimbingan mereka. Saya yakin bersama-sama, KWSP akan terus maju dan berusaha untuk memperkasa masa depan ahli kita.

Kepada semua majikan yang berdaftar, kami mengucapkan terima kasih kerana menyokong inisiatif dalam talian kami dan komitmen anda untuk memastikan kesejahteraan persaraan pekerja anda dijaga. Kepada ahli kami, kepercayaan dan keyakinan anda kepada KWSP amat bermakna buat kami. Yakinlah bahawa keperluan anda adalah pemacu strategi kami, dan kami berdedikasi ke arah merealisasikan visi kami untuk membantu anda mencapai masa depan yang lebih baik.

### DATUK SHAHRIL RIDZA RIDZUAN

Ketua Pegawai Eksekutif